



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
(Department of Labour Peninsular Malaysia)

Aras 3 & 5, Blok Setia Perkasa 3,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Telefon : 03-8886 5192/5937
Faks : 03-8888 9111
E-mel : jtksm@mohr.gov.my
Website : www.jtksm.mohr.gov.my

KENYATAAN MEDIA

JTKSM PRIHATIN: KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN UNTUK MANGSA TRAGEDI PUTRA HEIGHTS

PUTRA HEIGHTS, 10 APRIL 2025 – Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dengan kerjasama Pejabat Tenaga Kerja Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif untuk memberikan khidmat nasihat perburuhan kepada mangsa letupan gas dan kebakaran yang berlaku di Putra Heights, Selangor. Khidmat ini bermula pada 7 April 2025 melalui kaunter bergerak JTKSM yang ditempatkan di dua pusat penempatan sementara iaitu Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia.

Inisiatif ini diketuai oleh Pengarah Tenaga Kerja Negeri Selangor, Encik Zaini Bin Yaacob bersama pasukan seramai sembilan pegawai. Antara maklumat yang disampaikan kepada mangsa termasuk hak pekerja seperti cuti, waktu kerja fleksibel, dan cara membuat aduan sekiranya berlaku masalah dengan majikan. JTKSM juga menerangkan mengenai Aturan Kerja Fleksibel (AKF) di bawah pindaan Akta Kerja 1955, yang membolehkan pekerja memohon perubahan waktu, hari atau tempat kerja.

Sehingga kini, maklumat telah berjaya dikumpul daripada 41 daripada 91 keluarga terlibat. Kebanyakan majikan membenarkan pekerja terlibat mengambil cuti tahunan, cuti ehsan, atau cuti rehat. Dua majikan membenarkan pekerja bekerja dari rumah (WFH).

JTKSM akan terus membantu mangsa dan memastikan hak mereka sebagai pekerja dilindungi. Orang ramai digalakkan untuk mendapatkan khidmat nasihat di kaunter bergerak JTKSM yang disediakan.

TAMAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT